

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.10.2016

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara berbanding dengan KDNK pada 30 September 2015 dan 30 September 2016. Nyatakan jumlah hutang yang disumbangkan oleh syarikat dan projek berkaitan dengan 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik (51% daripada

KDNK), sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion (2.2% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Jika dibandingkan pada Jun 2015, hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM627.5 bilion atau 54.2% daripada KDNK. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan data mengenai hutang Kerajaan Persekutuan bagi bulan September 2016 melalui Laporan Ekonomi Suku Tahunan Ketiga 2016 yang akan diterbitkan pada bulan November 2016.

2. Hutang syarikat 1MDB dan projek yang berkaitan dengannya tidak diklasifikasikan sebagai hutang Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, hutang syarikat 1MDB dan projek yang berkaitan dengannya tidak menyumbang kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.